



---

Received: 2020-01-06

Accepted: 2020-02-09

Published: 2020-04-30

---

Original Article

## **Hadith Peniupan Roh Semasa Tempoh Prnatal: Analisis Menurut Perspektif *Muḥaddithīn***

### ***Hadith On Soul Being Breathed in Foetus In Prnatal Period: Analysis By Muḥaddithīn Perspective***

Khairulnazrin Nasir<sup>a\*</sup> & Khadher Ahmad<sup>a</sup>

<sup>a</sup> Department of al-Quran and al-Hadith, University of Malaya, Kuala Lumpur.

\* Corresponding author, email; [khairulnazrin19@gmail.com](mailto:khairulnazrin19@gmail.com)

---

#### **ABSTRACT**

The soul is an unseen entity created by Allah and is the essence of human life and some other beings. The souls are blown into the foetus by the angels during the prenatal stage in the womb. It is explained in the Hadith narrated by Ibn Mas'ūd RA's which is also the ground for the issue regarding the entrance of the soul into the human body. The question is, what is the discussion and perspective of the muḥaddithīn scholars about the Hadith. Therefore, the purpose of this paper is to explain the source of the Hadith and to focus on the muḥaddithīn discussions on both the riwāyah and the rhāyah. The framework of this study is qualitative, which draws from library data, especially turath (classical) books in the science of Hadith, as well as descriptive analysis. The focus of the study is on the issue of the breathing in of the soul into the foetus, despite other themes in the Hadith. Past studies/This study found that this Hadith was narrated in eight primary sources of Hadith. The authors of the books of Hadith placed the Hadith in this study under three main themes; whether it's about the creation of man, the writing of destiny, or the role of the angels who blow the souls into the foetus. The Hadith of the study is also discussed from various other perspectives, which still related to the soul. In conclusion, this paper presented a fact about the unseen world that cannot be grasped by modern medical science.

**Keywords:** Soul, Prenatal, Foetus, Muḥaddithin, Fiqh Hadith.

---

## Pendahuluan

Antara tanda kebesaran Allah SWT adalah menciptakan makhluk dengan pelbagai jenis variasi, sifat, watak, dan fungsi. Sebilangan makhluk tidak dapat dilihat dengan mata kasar, sama ada kerana terlalu seni atau berada dalam dimensi yang berlainan dengan alam nyata. Selain malaikat dan jin, roh turut diklasifikasikan sebagai entiti ghaib, meskipun roh adalah unsur yang paling hampir dengan diri insan. Oleh yang demikian, persoalan tentang roh atau jiwa manusia mengundang pelbagai kajian tentang hakikat manusia dan roh, sekaligus menghasilkan pelbagai teori dan persepsi.<sup>1</sup>

Roh didefinisikan sebagai suatu unsur yang menjadi penyebab kepada kehidupan insan. Menurut Ibn al-Mualqqin, istilah *al-rūh* mempunyai banyak makna, dan salah satunya merujuk kepada nyawa manusia.<sup>2</sup> Para sarjana Islam turut membincangkan tentang roh dalam pelbagai aspek dan perspektif. Terdapat kajian yang membincangkan tentang roh berdasarkan pandangan ahli falsafah Islam seperti Ibn Sīnā,<sup>3</sup> al-Ghazālī,<sup>4</sup> al-Rāzī,<sup>5</sup> dan lain-lain. Sarjana Islam terkenal yang banyak membicarakan tentang roh ialah Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitabnya, *al-Rūh*.<sup>6</sup> Pendekatan beliau sangat menarik menerusi kompilasi hujah yang dikemukakan daripada al-Quran, hadith dan nukilan kata-kata sahabat dan tabiin. Sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu, khususnya penulisan Ibn Qayyim al-Jawziyyah, didapati tiada perbincangan tentang permasalahan peniupan roh ke dalam janin dalam tempoh pranatal.

Manusia adalah ciptaan Allah SWT yang paling sempurna, unik dan menarik. Faktor kehidupan pada manusia adalah berlainan dengan kehidupan yang wujud pada tumbuhan. Kehidupan manusia bermula dengan proses persenyawaan antara spermata dan ovum, dan seterusnya membentuk embrio, zigot dan fetus dalam suatu tempoh yang dipanggil pranatal atau pra kelahiran. Al-Quran telah mempamerkan kemukjizatanhya dengan menghuraikan proses kejadian dan perkembangan biologi manusia secara terperinci.<sup>7</sup> Meskipun begitu, perbincangan al-Quran tentang peniupan roh ke dalam janin masih bersifat umum. Maka, apakah perkara lain yang berlaku semasa peniupan roh semasa tempoh pranatal yang tidak dijelaskan oleh al-Quran? Justeru, objektif makalah ini berusaha untuk menjawab persoalan tersebut, berdasarkan perspektif ulama hadith atau *muḥaddithīn*.

---

<sup>1</sup> Samian, Abdul Latif, "Satu Ulasan Tentang Definisi Manusia," *Jurnal Pengajian Umum* 6 (2005): 153-160.

<sup>2</sup> Ibn al-Mualqqin, Sirāj al-Dīn Abū Ḥafs 'Umar bin 'Alī al-Shāfi'ī, *al-Mu'īn 'ala Tafahhum al-Arbā'īn* ed. Daghsh bin Shabīb al-'Ajāmī (Kuwait: Maktabat Ahl al-Athar, 2012), 142.

<sup>3</sup> Akib, Mohd Manawi Mohd, dan Sharifah Basirah Syed, "Perbincangan Potensi Jiwa Menurut Ibn Sina dan al-Ghazali," *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 21(1), (2019): 85-110.

<sup>4</sup> Hussein, Elbahloul Mohamed, Mohd Nasir Omar, Ahmad Sunawari Long, dan Mudasir Rosder. "Spirit In The Opinion of Muslim Philosophers: al-Ghazali as Model," *Jurnal Hadhari: An International Journal* 4 (2), (2012): 155-168.

<sup>5</sup> Che Zarrina Sa'ari, Mohd Manawi Mohd Akib. "Konsep Jiwa Menurut al-Razi: Tumpuan Terhadap Perihal Jiwa Setelah Berpisah Daripada Jasad," *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 5(1), (2018), 33-47.

<sup>6</sup> Rahim, Rohaida Abdul, dan Asmadi Yakub. "Al-Ruh Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah." *Jurnal Usuluddin* 26, (2007): 149-167.

<sup>7</sup> Jasmi, K. A., *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran* (Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press, 2013) dan Jasmi, Kamarul Azmi, Azura Ahmad, Izzatul Amanda Jamarluddin, K. A. Jasmi, A. Ahmad, dan I. A. Jamarluddin, "Al-Quran dan biologi," *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*, (2013): 49-73.

## Metodologi Kajian

Kajian hadith ini berkonsepkan kajian kualitatif dengan mengaplikasikan metode kepustakaan sebagai kaedah pengumpulan data. Rujukan utama kajian adalah kitab-kitab *turāth* (klasik) dalam bidang hadith; sama ada penulisan yang mengumpulkan sumber hadith primer, dan penulisan yang berorientasikan kupasan hadith (*shurūh al-ḥadīth*) silam dan moden. Kajian turut merujuk kepada kitab, artikel jurnal dan penulisan dalam bidang lain yang berautoriti berdasarkan keperluan. Secara umumnya, kajian ini bersifat kajian *ḥadūth taḥlīlī* iaitu kajian berteraskan satu hadith sahaja.

Fokus kajian adalah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ūd RA tentang peniupan roh ke dalam janin. Meskipun hadith ini memiliki pelbagai tema lain, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada tema peniupan roh ke dalam janin, dan perbincangan yang berhubung secara eksplisit dengan tema utama. Analisis hadith dilakukan secara deskriptif, disertai dengan jadual dan rajah, sekaligus mendekati perspektif *muḥaddithīn* terhadap permasalahan yang dibincangkan. Kajian membuat limitasi analisis hadith hanya kepada kelompok *muḥaddithīn* kerana melihat kepada autoriti dan kepakaran mereka dalam kajian hadith.

## Dapatan Kajian

Hadith Nabawi yang menjelaskan secara terperinci proses peniupan roh dalam tempoh kehamilan adalah hadith yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin Mas'ūd RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضَعَّةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ، وَيُؤَمَّرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ: بِكَتَبَ رِزْقِهِ، وَأَجَلِهِ، وَعَمَلِهِ، وَشَقِيٍّ أَوْ سَعِيدٍ

Terjemahan: Sesungguhnya setiap seorang daripada kamu dikumpulkan bahan asal penciptaannya di dalam perut ibunya selama 40 hari, kemudian ia bertukar menjadi segumpal darah selama tempoh itu (40 hari), kemudian ia berubah menjadi seketul daging selama tempoh itu (40 hari). Kemudian dititiskan malaikat lalu meniupkan roh di dadamnya. Dan malaikat itu diperintahkan untuk menulis empat perkara (berkenaan takdir); iaitu reseki, ajal umurnya, perbuatan, dan golongan celaka (ahli neraka) atau bahagia (ahli syurga).

Hadith ini diriwayatkan oleh sejumlah penulis kitab-kitab hadith primer, antara yang utama adalah para penulis *al-Kutub al-Sittah* (al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāwūd, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī, Ibn Mājah), al-Ḥumaydī dan Aḥmad, menerusi pelbagai jalur riwayat daripada Zayd bin Wahb daripada 'Abdullah bin Mas'ūd RA secara *marfū'*. Kesahihan hadith ini tidak dipertikaikan, kerana ia telah diperakui oleh al-Bukhārī dan Muslim. Jadual berikut menunjukkan jalur riwayat hadith tersebut secara terperinci:

Jadual 1: Jalur Riwayat Hadith Peniupan Roh Ke Dalam Janin

Peringkat Sanad						
1	2	3	4	5	6	7
Abdullah bin Mas'ūd	Zayd bin Wahb	Sulaymān al-A'mash	Sufyān al-Thawrī	Muḥammad bin Kathīr	Abū Dāwūd (4708)	
			Muḥammad bin 'Ubayd	Al-Ḥumaydī (126)		
				'Ali bin Maymūn	Ibn Mājah (76)	
			Abū Mu'āwiyah	Aḥmad (3624)		
				Ibn Abī Shaybah	Muslim (2643)	
				Muḥammad bin 'Abdillah		
				Hannād	Al-Tirmidhī (2137)	
				'Ali bin Muḥammad	Ibn Mājah (76)	
				'Ali bin Maymūn		
			Yaḥya bin Sa'īd	Aḥmad (4091)		
				Muḥammad bin Bashshār	Al-Tirmidhī (2137)	
			Wakī' bin al-Jarrāḥ	Aḥmad (4091)		
				Ibn Abī Shaybah	Muslim (2643)	
				Muḥammad bin 'Abdillah	Muslim (2643)	
				Abū Sa'īd al-Ashajj	Muslim (2643)	
				Muḥammad bin al-'Alā'	Al-Tirmidhī (2136)	
'Ali bin Muḥammad	Ibn Mājah (76)					
Abū al-Aḥwaṣ	Al-Ḥusayn bin al-Rab'ī	Al-Bukhārī (3208)				
Ḥafṣ bin Ghiyāth	Umar bin Ḥafṣ	Al-Bukhārī (3332)				

			Shu'bah bin al-Ḥajjāj	Hishām bin 'Abd al-Malik	Al-Bukhārī (6594)	
				Adam	Al-Bukhārī (7454P)	
				Mu'ādh	Ubaydullah bin Mu'ādh	Muslim (2643)
				Ḥafṣ bin 'Umar	Abū Dāwūd (4708)	
			'Abdullah bin Numayr	Muḥammad bin 'Abdillah	Muslim (2643)	
			Jarir bin 'Abd al-Ḥamīd	Uthmān bin Abī Shaybah	Muslim (2643)	
				Ishāq bin Ibrāhīm	Muslim (2643)	
			'Īsā bin Yūnus	Ishāq bin Ibrāhīm	Muslim (2643)	
			Muḥammad bin Fuḍayl	'Ali bin Muḥammad	Ibn Mājah (76)	
			Sharīk	'Ali bin Ḥujr	Al-Nasā'ī (11182)	
		Salamah bin Kuhayl	Fiṭr	Husayn bin Muḥammad	Aḥmad (3934)	
				Yazīd bin Hārūn	'Ali bin Ḥujr	Al-Nasā'ī (11182)

Sumber: Analisis Penulis

Dapatan kajian menunjukkan bahawa golongan *muhaddithīn* telah mempamerkan suatu perspektif tersendiri terhadap permasalahan peniupan roh dalam janin, berasaskan hadith Ibn Mas'ūd RA seperti dinyatakan di atas. Kajian ini turut mendapati tumpuan perbincangan hadith adalah berhubung dengan roh manusia, yang banyak dibincangkan dalam ilmu akidah. Walau bagaimanapun, perspektif *muhaddithīn* turut mengaitkan perkara ini dengan beberapa perbincangan hukum fikah.

Rajah 1: Perbincangan *Muḥaddithīn* Tentang Peniupan Roh Dalam Janin



Sumber: Analisis Pengkaji

### Analisis Hadith Menurut Perspektif Muḥaddithīn: Suatu Perbincangan

*Muḥaddithīn* adalah golongan yang memiliki kemahiran dan pengetahuan luas dalam bidang hadith, sama ada *riwāyah* atau *dirāyah*. Bidang hadith yang menjadi bidang kepakaran utama menjadi faktor pandangan dan perspektif *muḥaddithīn* mempunyai nilai dan autoriti yang tinggi. Dalam pada itu, kajian ini hanya memberi fokus kepada perspektif *muḥaddithīn* daripada dua kelompok; iaitu penulis kitab primer hadith (*muṣannif*) dan para pengulas hadith (*shurrāh al-ḥadīth*). Justifikasinya, fiqh, kupasan atau tema sesuatu hadith banyak dikemukakan oleh dua kelompok ini berbanding kelompok *muḥaddithīn* yang lain.

#### Pertama: Analisis Menurut Perspektif Penulis Hadith

Metodologi penyusunan kitab hadith berasaskan bab, tajuk dan tema yang terkandung dalam hadith membantu bagi memahami *fiqh al-ḥadīth* berkenaan. Para penulis kitab hadith memilih tema dan isi kandungan hadith yang paling sesuai untuk dijadikan tajuk kepada hadith ini. Dalam pada itu, cara perletakan judul, dan bab kepada sesuatu hadith turut menonjolkan kekuatan *istinbāṭ* pada penulis kitab hadith.

Hasil analisis mendapati daripada lapan sumber kitab hadith yang meriwayatkan hadith peniupan roh, enam daripadanya meletakkannya dalam judul dan bab. Daripada enam kitab tersebut, tiga daripadanya dikategorikan sebagai kitab *al-Jawāmi'* iaitu kitab hadith yang mengumpulkan hampir keseluruhan perbincangan agama. Kitab-kitab tersebut ialah *Ṣāḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣāḥīḥ Muslim*, dan *Jāmi' al-Tirmidhī*. Tiga kitab yang lain dikategorikan sebagai kitab *Sunan* iaitu kitab yang mengumpulkan hadith berdasarkan perbincangan hukum fikah, iaitu *Sunan Abū Dāwūd*, *al-Sunan al-Kubrā* oleh al-Nasa'ī dan *Sunan Ibn Mājah*. Perinciannya seperti yang dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 2: Taburan Hadīth Ibn Mas'ūd RA Dalam Kitab-kitab Hadith Primer

No.	Sumber	Judul	Bab	No. Hadith
1	Ṣāḥīḥ al-Bukhārī	Kitāb Bad' al-Khalq	Bāb Dhikr al-Malāikah	3208


2		Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā'	Bāb Khalq Ādam	3332
3		Kitāb al-Qadar	Bāb fī al-Qadar	6594
4		Kitāb al-Tawḥīd	Bāb Qawlih Ta'āla ( ولقد سبقتم كلمتنا لعبدنا المرسلين )	7454
5	Ṣāḥīḥ Muslim	Kitāb al-Qadar	Bāb Kayfiat Khalq al-Adamī fī Baṭn Ummih	2643
6	Sunan Abū Dāwūd	Kitāb Sharḥ al-Sunnah	Bāb fī al-Qadar	4708
7	Jāmi' al-Tirmidhī	Abwāb al-Qadar	Bāb mā jā' ann al-Amā; bi al-Khawātīm	2147
8	Sunan al-Nasā'ī (al-Kubrā)	Kitāb al-Tafsīr	Bāb Qawlih Ta'ālā ( فمنهم شقي وصعيد )	11182
9	Sunan Ibn Mājah	Abwāb al-Sunnah	Bāb fī al-Qadar	76

Sumber: Analisis Pengkaji

Berdasarkan jadual di atas, hadith Ibn Mas'ūd RA tentang peniupan roh telah diletakkan dalam sembilan tema. Empat daripadanya terdapat dalam *Ṣāḥīḥ al-Bukhārī*. Menjadi suatu kelaziman bagi al-Bukhārī untuk mengulangi hadith dalam bab yang berlainan, berdasarkan kepelbagaian tema yang terkandung dalamnya, dengan meletakkan sanad yang berlainan. Kitab-kitab yang lain tidak melakukan pengulangan kepada hadith, tetapi diletakkan pada tema yang dianggap paling sesuai.

Dalam pada itu, hasil analisis mendapati fokus *istinbāt* para penulis tertumpu kepada tiga tema utama; [pertama] penciptaan manusia (dalam *Ṣāḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣāḥīḥ Muslim*), [kedua] penulisan takdir yang berlaku semasa peniupan roh (dalam *Ṣāḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣāḥīḥ Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Jāmi' al-Tirmidhī*, al-Nasā'ī dalam *al-Sunan al-Kubrā* dan *Sunan Ibn Mājah*); dan [ketiga] peranan malaikat yang meniupkan roh dan menulis takdir (dalam *Ṣāḥīḥ al-Bukhārī*). Statistik kecenderungan para penulis hadith dalam memilih tema bagi hadith Ibn Mas'ūd RA adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:

Rajah 2: Tema *Istinbāt* Penulis Kitab Hadith Berkaitan Peniupan Roh



Sumber: Analisis Pengkaji

Sementara itu, walaupun hadith ini diriwayatkan juga oleh al-Ḥumaydī dan Aḥmad, kajian mendapati kedua-dua penulis tersebut tidak meletakkan sebarang judul, bab atau tema kepada hadith ini. Faktornya, metodologi para penulis yang mengumpulkan hadith-hadith berdasarkan riwayat seseorang sahabat tanpa mengklasifikasikan kepada tema. Metode ini dikenali sebagai metode kitab *musnad*. Justeru, al-Ḥumaydī dan Aḥmad meriwayatkan hadith ini dalam musnad ‘Abdullāh bin Mas’ūd RA.

#### **Kedua: Analisis Perspektif *Shurrāh al-Ḥadīth***

Kelompok kedua daripada kalangan *muḥaddithīn* adalah sarjana yang terlibat dalam memberikan ulasan kepada hadith-hadith dalam karya mereka. Secara umumnya, hadith-hadith dalam sumber primer, khususnya *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* diulas oleh para *muḥaddithīn* untuk menjelaskan maksud dan kefahaman bagi sesuatu hadith. Justeru, kajian ini, turut menampilkan ulasan para pengulas hadith (*shurrāh al-ḥadīth*), sekaligus menonjolkan perspektif kelompok ini berhubung permasalahan peniupan roh berdasarkan hadith Ibn Mas’ūd RA. Topik-topik yang dibincangkan sekitar hadith Ibn Mas’ūd RA adalah seperti berikut:

##### **(i) Jenis Kehidupan Janin Sebelum Ditiupkan Roh**

Hadith di atas menerangkan proses yang dilalui oleh janin sebelum ditiupkan roh ke dalamnya. Sebelum tempoh itu, janin adalah *mawāt* iaitu sesuatu yang tidak memiliki roh.<sup>8</sup> sebagai analogi, pergerakan janin atau degupan jantung yang berlaku semasa tempoh itu,<sup>9</sup> adalah sama dengan

<sup>8</sup> Al-Ṣārṣārī, Sulaymān bin ‘Abd al-Qawiy al-Ṭūfī, *al-Ta’yīn fī Sharḥ al-Arbā’in* ed. Aḥmad Ḥaj Muḥammad ‘Uthmān (Beiurt: Muassasat al-Riyāḍ, 1998), 1: 85.

<sup>9</sup> Menurut kajian saintifik, gerakan pada janin boleh dikesan seawal minggu ke-8, atau ketika kandungan janin sebesar 3 cm, atau panjangnya lebih kurang 15 mm. Dapat dilihat juga denyutan jantung, gerakan pernafasan, anggota bahagian atas, kerdipan mata dan sebagainya. Gerakan tangan ke mulut, lidah dan menghisap jari semuanya boleh dikesan pada minggu ke-16, iaitu sebelum mencecah 120 hari. Lihat



jenis kehidupan yang wujud pada tumbuhan.<sup>10</sup> Justifikasinya, tumbuhan bergerak, tumbuh dan membesar, tanpa memiliki roh.<sup>11</sup> Demikian juga jenis kehidupan pada sperma lelaki adalah tanpa roh, tanpa akal, mahupun jiwa manusia.<sup>12</sup>

Al-Nawawi menjelaskan, peniupan roh berlaku setelah janin memiliki kesempurnaan sifat dan pancaindera. Menurutnya, hal ini telah disepakati oleh para ulama.<sup>13</sup> Justeru, ketika saat inilah roh berubah nama menjadi *al-nafs* iaitu gabungan antara roh dan jasad.<sup>14</sup> Merujuk kepada hadith Ibn Mas'ūd RA, al-Qāḍī 'Iyāḍ menegaskan bahawa tiada percanggahan riwayat hadith yang meletakkan peniupan roh berlaku selepas 120 hari.<sup>15</sup>

### (ii) Maksud tempoh 40 hari

Mullā 'Ali al-Qārī membetulkan salah faham terhadap teks hadith, bahawa proses perubahan janin daripada air mani, segumpal darah dan seketul daging hanya berlaku pada penghujung tempoh itu. Sebenarnya, perubahan dan perkembangan janin tetap berlaku sepanjang ketiga-tiga fasa tersebut.<sup>16</sup> Setelah melalui fasa-fasa tersebut, maka Allah SWT mengutus malaikat untuk meniupkan roh ke dalamnya.

### (iii) Jenis Malaikat yang meniupkan roh

Hadith Ibn Mas'ūd RA juga menyatakan tentang perihal malaikat dan hubungannya dengan proses kejadian manusia. Dalam hadith ini, dan beberapa riwayat lain yang berkaitan; dirumuskan bahawa terdapat tiga tugas yang dilakukan oleh malaikat; [pertama] membentuk anggota dan organ pada janin, [kedua] meniupkan roh dan [ketiga] menulis takdirnya. Para *muḥaddithīn* bersepakat bahawa malaikat yang meniupkan roh dan menulis takdir adalah malaikat yang sama, tetapi mereka berselisih pendapat tentang malaikat yang membentuk janin. Justeru, dirumuskan pendapat *muḥaddithīn* seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:

---

Moore, Keith L., Trivedi Vidhya Nandan Persaud, dan Mark G. Torchia. *Before we are born: essentials of embryology and birth defects*. Elsevier Health Sciences, 2015, Campbell, Stuart, dan G. B. Newman, "Growth of the fetal biparietal diameter during normal pregnancy." *BJOG: An International Journal of Obstetrics & Gynaecology* 78, no. 6 (1971): 513-519 dan Largo, R. H., R. Wälli, G. Duc, A. Fanconi, and A. Prader. "Evaluation of perinatal growth. Presentation of combined intra-and extrauterine growth standards for weight, length and head circumference." *Helvetica paediatrica acta* 35 (5) , (1980): 419-436.

<sup>10</sup> Al-'Asqalānī, Ibn Ḥajar Abū al-Faḍl Aḥmad bin 'Ali, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1960), 11: 482.

<sup>11</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad bin Abī Bakr, *al-Tibyān fī Aqsām al-Qurān* ed. Muḥammad Ḥāmid al-Faqī (Beirut, Dār al-Ma'rifah, t.t), 218

<sup>12</sup> Aḥmad Shawqī Ibrāhīm, *'Ālam al-Insān fī Ḍaw' al-Qurān wa al-Sunnah* (Kaherah, Dār Nahḍah, t.t), 58.

<sup>13</sup> Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf, *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1972), 16: 191 dan Al-'Aynī, Abū Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad Badr al-Dīn al-Ḥanafi, *'Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t), 3: 293.

<sup>14</sup> Ema Yudianti, "Dinamika Jiwa Dalam Perspektif Psikologi Islam," *Jurnal Ilmu Agama*, 14 (Julai, 2013), 53.

<sup>15</sup> Al-'Asqalānī, Ibn Ḥajar Abū al-Faḍl Aḥmad bin 'Ali, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1960), 11: 485.

<sup>16</sup> Al-Mullā 'Ali bin Sulṭān Muḥammad al-Qārī, *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābiḥ* (Beirut: Dār al-Fikr, 2002), 1: 152.

Rajah 3: Pendapat *Muḥaddithīn* tentang Malaikat Yang Membentuk Janin



Sumber: Analisis Pengkaji

Ibn Daqīq al-Īd, al-Munāwī, Mullā al-Qārī dan al-Mubārakfūrī menukulkan khilaf bahawa terdapat dua pendapat tentang malaikat yang meniupkan roh.<sup>17</sup> Sebahagian ulama menyatakan malaikat yang ditugaskan untuk membentuk janin adalah malaikat yang sama untuk meniupkan roh ke dalamnya. Justifikasinya, huruf (ال) pada kalimah (ثم يُوسل إليه الملك) yang terdapat dalam kebanyakan riwayat hadith, menjadi petunjuk bahawa ia sudah dikenali dalam urusan sebelumnya, iaitu pembentukan janin.<sup>18</sup>

Sementara al-‘Aynī menjelaskan bahawa riwayat al-Kashmīhani bagi *Ṣāḥīḥ al-Bukhārī* menyebut (ملاك) secara *nakirah*, iaitu tanpa huruf alif lam. Justeru, tugas meniupkan roh dan menuliskan takdir dilaksanakan oleh malaikat yang berlainan.<sup>19</sup> Selain itu, lafaz “Allah mengutus malaikat” seolah-olah ia adalah petunjuk kepada pengutusan malaikat yang lain, bukan malaikat sedia ada yang menguruskan tumbesaran janin.<sup>20</sup>

#### (iv) Peniupan Roh Semasa Janin Berumur Empat Bulan

Hadith Ibn Mas‘ūd RA secara eksplisit menjelaskan tiga fasa yang dilalui oleh janin dan setiap fasa dalam tempoh 40 hari. Justeru, selepas berlalunya 120 hari, Allah SWT mengutus malaikat untuk meniupkan roh ke dalam janin. Sementara itu, terdapat riwayat-riwayat lain yang memperkukuhkan hakikat tersebut, seperti tafsiran ‘Alī bin Abī Ṭālib RA terhadap ayat 14, surah al-Mu‘minūn dan ucapan Ibn ‘Abbās RA.<sup>21</sup>

<sup>17</sup> Al-Munāwī, ‘Abd al-Ra‘ūf, *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr* (Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1937), 413. Al-Mullā ‘Ali bin Sulṭān Muḥammad al-Qārī, *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣabīḥ* (Beirut: Dār al-Fikr, 2002), 1: 152 dan Al-Mubārakfūrī, Abū al-‘Alā’ Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān, *Tuḥfat al-Aḥwadhī bi Shārh Jāmi‘ al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 6: 286.

<sup>18</sup> Ibn Daqīq al-Eid, Muḥammad bin ‘Ali bin Wahb, *Sharḥ al-Arba‘īn al-Nawawīyyah* (t.tp: Muassasat al-Rayyān, 2003), 38, al-Munāwī, ‘Abd al-Ra‘ūf, *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr* (Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1937),

<sup>19</sup> Al-‘Aynī, Abū Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad Badr al-Dīn al-Ḥanafī, *Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣāḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 23: 140.

<sup>20</sup> Al-‘Asqalānī, Ibn Hajar Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Ali, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣāḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1960), 11: 482.

<sup>21</sup> Ibn Abī Ḥātim meriwayatkan dengan sanadnya daripada Zayd bin ‘Ali daripada bapanya, ‘Ali bin al-Ḥusayn daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib RA. Riwayat ini dinukilkan oleh Ibn Kathīr. Lihat Ibn Kathīr, Abū al-

**(v) Turutan Proses Peniupan Roh dan Penulisan Takdir**

Aspek utama yang dikemukakan oleh para pengulas hadith adalah perbezaan riwayat yang terdapat dalam sesebuah hadith. Justifikasinya, perbezaan itu diberi penekanan khususnya yang membabitkan perubahan makna, atau kenyataan yang disampaikan dalam hadith, lebih-lebih lagi jika ia turut memberi impak kepada hukum fiqh.

Hasil analisis daripada keseluruhan riwayat hadith daripada sumber-sumber yang berlainan, didapati bahawa terdapat perbezaan ketara pada lafaz berkaitan susunan proses meniupan roh dan penulisan takdir. Butirannya seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 3: Perbezaan Riwayat Tentang Susunan Peniupan Roh dan Penulisan Takdir

	Perbezaan Teks	Sumber	Kesan Perbezaan
1	وَيُبْعَثُ إِلَيْهِ الْمَلِكُ فَيُؤْمَرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ، ثُمَّ يَنْفَخُ فِيهِ الرُّوحَ	Al-Bukhārī, Abū Dāwūd	Tiupan roh dilakukan oleh malaikat selepas penulisan takdir
2	ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ وَيُؤْمَرُ بِأَرْبَعِ،	Muslim, al-Tirmidhī,	Peniupan roh dilakukan oleh malaikat seiring penulisan takdir
3	ثُمَّ يَبْعَثُ اللَّهُ الْمَلَكَ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ ثُمَّ يُؤْمَرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ	Al-Bayhaqī (Al-Sunan al-Kubrā) <sup>22</sup>	Tiupan roh dilakukan oleh malaikat sebelum penulisan takdir
4	ثُمَّ يَبْعَثُ اللَّهُ إِلَيْهِ الْمَلَكَ، فَيُؤْمَرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ	Ibn Mājah	Tiada pernyataan tentang peniupan roh dalam janin

Sumber: Analisis Pengkaji

Implikasi daripada perbezaan ini adalah perubahan susunan antara dua proses yang berlaku terhadap janin; iaitu meniupan roh dan penulisan takdir. Ibn Rajah berpendapat, perubahan ini berlaku kerana wujud manipulasi riwayat oleh para perawi. Justeru, beliau merumuskan bahawa hadith hanya menyenaraikan dua proses penting yang berlaku, tanpa menitikberatkan susunannya.<sup>23</sup>

**(vi) Kesan Peniupan Roh Ke Dalam Janin Terhadap Hukum Fiqh**

Beberapa pengulas hadith Ibn Mas'ūd RA turut mengemukakan pendapat para ulama tentang perubahan hukum fiqh, kesan daripada meniupan roh ke dalam bayi. Ibn Rajab al-Ḥanbalī dalam *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Ḥikam* menukilkan pendapat Sa'īd bin al-Musayyab, Aḥmad, salah satu pendapat al-Shāfi'ī dan Ishāq., bahawa janin yang keguguran setelah berumur empat bulan, hendaklah dilakukan solat ke atas jenazahnya.<sup>24</sup> Menurut Ibn 'Uthaymīn, janin yang gugur

Fidā' Ismā'il bin Kathīr bin 'Umar al-Qurashī al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* ed. Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Riyāḍ: Dār Ṭaybah li al-Nashr wa al-Tawzī', 1999), 5: 466.

<sup>22</sup> Lihat al-Bayhaqī, Abu Bakr Ahmad bin Husayn bin 'Ali, *al-Sunan al-Kubra* ed. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2003), 7: 691 (no. hadith 15421).

<sup>23</sup> Ibn Rajab al-Ḥanbalī, Zayn al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab al-Salāmi al-Baghdadi al-Dimashqī, *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Ḥikam* ed. Muḥammad al-Aḥmadī (Riyadh: Dār al-Salām, 2004), 1: 167 dan Ḥamzah Muḥammad Qāsim, *Manār al-Qārī Sharḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ed. 'Abd al-Qādir al-Arnāūṭ (Ṭāif: Maktabat al-Muayyad, 1990), 4: 156.

<sup>24</sup> Ibn Rajab al-Ḥanbalī, Zayn al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab al-Salāmi al-Baghdadi al-Dimashqī, *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Ḥikam* ed. Muḥammad al-Aḥmadī (Riyadh: Dār al-Salām, 2004), 1: 168.

sebelum tempoh itu diuruskan dan ditanam dalam lubang biasa, tanpa perlu didirikan solat ke atas jenazahnya. Namun, jika keguguran itu berlaku pasca tempoh itu, janin itu perlu dimandikan, didikan solat jenazahnya dan dikebumikan di tanah perkuburan Islam. Malah, ia turut diberikan nama, dan dilakukan akikah untuknya.<sup>25</sup>

Dalam pada itu, tempoh idah bagi seorang balu, iaitu wanita yang kematian suaminya adalah empat bulan, dan 10 hari, sekiranya dia tidak mengandung. Menurut Ibn al-Mulaqqin, para ulama berpendapat bahawa empat bulan adalah tempoh perkembangan asas janin sehingga peniupan roh dalam tempoh 10 hari berikutnya.<sup>26</sup> Justeru, balu yang melalui tempoh itu, tanpa sebarang tanda sedang mengandung, maka idahnya dianggap telah tamat.<sup>27</sup>

Selain itu, implikasi daripada proses peniupan roh dan berlalu tempoh 120 hari juga turut membezakan hukum darah yang keluar daripada rahim wanita yang keguguran. Menurut 'Abd al-Muhsin al-'Abbād, darah yang keluar kerana keguguran sebelum tempoh itu, adalah dianggap darah istihadah, sebaliknya ia dianggap nifas jika keguguran berlaku selepas 120 hari.<sup>28</sup>

Segelintir pengulas hadith Ibn Mas'ūd RA pula seperti Ibn Rajab al-Ḥanbalī, Ibn Uthaymīn, turut membincangkan hukum menggugurkan kandungan; sebelum tempoh dan pasca 120 hari serta peniupan roh, dengan menukulkan mazhab *fuqahā'*.<sup>29</sup> Menurut Ibn Rajab, sebilangan ulama mazhab Hanbali mengharuskan tindakan menggugurkan janin semasa fasa 40 hari pertama, dan mengharamkannya selepas tempoh tersebut.<sup>30</sup>

#### (vii) Permulaan tempoh pembentukan anggota pada janin

Antara permasalahan yang biasa timbul dalam memahami sesebuah hadith adalah wujudnya percanggahan dengan hadith yang lain. Perkara ini mendapat perhatian khusus oleh para *muḥaddithīn*. Perbincangan tentang proses pemurnian antara hadith-hadith yang kelihatan kontradiksi dikenali sebagai *mukhtalif al-ḥadīth* dan *mushkil al-ḥadīth*.<sup>31</sup> Justeru, pada hakikatnya, tidak wujud perselisihan antara hadith-hadith Nabawi.

Lihat juga Ibn Qudāmah, 'Abd Allāh bin Aḥmad al-Maqdisī, *al-Mughnī fī Fiqh al-Imām Aḥmad al-Shaybanī* ed. 'Abd Allāh 'Abd al-Muhsin al-Turkī dan 'Abd al-Fattāḥ al-Ḥulw (Beirut: Dār Ālam al-Kutub, 1997), 2: 392.

<sup>25</sup> Muḥammad bin Ṣāliḥ al-'Uthaymīn, *Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* (Riyāḍ: Madār al-Waṭan li al-Nashr, 1994), 3: 290. Lihat juga Makiah Tussaripah Jamil1, Abdul Mukti Baharudin dan Hisam Satari, "Pengguguran bayi menurut perspektif Islam dan perundangan di Malaysia," *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(1), (2012), 69-82.

<sup>26</sup> Ibn al-Mulaqqin, Sirāj al-Dīn Abū Ḥafs 'Umar bin 'Ali al-Shāfi'ī, *al-Mu'īn 'ala Tafahhum al-Arbā'īn* ed. Daghash bin Shabīb al-'Ajamī (Kuwait: Maktabat Ahl al-Athar, 2012), 144.

<sup>27</sup> Ibn al-Mulaqqin, Sirāj al-Dīn Abū Ḥafs 'Umar bin 'Ali al-Shāfi'ī, *al-Mu'īn 'ala Tafahhum al-Arbā'īn* ed. Daghash bin Shabīb al-'Ajamī (Kuwait: Maktabat Ahl al-Athar, 2012), 146.

<sup>28</sup> Al-'Abbād, 'Abd al-Muhsin bin Ḥamad, *Fath al-Qawiy al-Mubīn fī Sharḥ al-Arbā'īn* (Dammam: Dār Ibn al-Qayyim, 2003). 1: 35.

<sup>29</sup> Ibn Rajab al-Ḥanbalī, Zayn al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab al-Salāmi al-Baghdadi al-Dimashqī, *Jāmi' al-Ulūm wa al-Ḥikam* ed. Muḥammad al-Aḥmadī (Riyadh: Dār al-Salām, 2004), 161, Muḥammad bin Ṣāliḥ al-'Uthaymīn, *Sharḥ al-Arbā'īn al-Nawawīyyah* (Riyadh: Dār al-Thurayyā, t.t), 91.

<sup>30</sup> Ibn Rajab al-Ḥanbalī, Zayn al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab al-Salāmi al-Baghdadi al-Dimashqī, *Jāmi' al-Ulūm wa al-Ḥikam* ed. Muḥammad al-Aḥmadī (Riyadh: Dār al-Salām, 2004), 161,

<sup>31</sup> Wahid, Abd, "Metode Penelitian dan Pemahaman Hadis Musykil." *SUBSTANTIA* 15, no. 2 (2013): 189-204.

Merujuk kepada hadith kajian ini, terdapat hadith lain yang diriwayatkan oleh Ḥudhayfah bin Usayd RA berkaitan proses perkembangan janin dalam rahim dan meniupan roh. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek dalam kandungan riwayat tersebut yang bercanggah dengan hadith Ibn Mas'ūd RA. Perincian dan metode pemurnian antara dua hadith dipaparkan dalam jadual di bawah:

Jadual 4: Perbandingan antara Hadith Ibn Mas'ūd RA dan Hadith Hudhayfah RA

	Perbandingan dan Pemurnian Antara Dua Riwayat	
Riwayat hadith	Hadith Ibn Mas'ūd RA	Hadith Ḥudhayfah bin Usayd RA
Pengutusan malaikat	Selepas 120 hari	Selepas 42 malam
Tugas malaikat	Meniupkan roh	Membentuk janin, dan anggota pendengaran, penglihatan, kulit, tulang dan jantina. Menulis takdir berkenaan ajal dan rezeki.
Metode Pemurnian Antara 2 Riwayat	<p>Metode 1:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Tiada pembentukan berlaku pada fasa pertama, atau sebelum hari ke-42.</li> <li>(ii) Malaikat diutus kali pertama pada hari ke-42, iaitu fasa kedua dalam keadaan janin masih segumpal darah.</li> <li>(iii) Proses pembentukan hanya berbentuk ketetapan, dan hanya bermula selepas fasa ketiga.</li> <li>(iv) Setelah berlau 120 hari, malaikat meniupkan roh dan menulis takdir tentang rezeki, umur, amalan dan statusnya di akhirat.</li> <li>(v) Pembentukan anggota badan dimulakan.</li> </ul> <p>Metode 2: Hadith Ḥudhayfah bin Usayd RA untuk proses perkembangan janin lelaki, dan hadith Ibn Mas'ūd RA bagi janin perempuan.</p> <p>Metode 3: Hadith Ibn Mas'ūd RA adalah keadaan kebanyakan janin, sementara hadith Ḥudhayfah untuk janin-janin tertentu.</p> <p>Metode 4: Pembentukan janin dalam hadith Hudhayfah pada hari ke-42 bermaksud pembahagian air benih, mengikut bahagian anggota badan.</p>	

Sumber: Ibn Rajab, Ibn al-Milaqqin, Mullā al-Qārī,<sup>32</sup>

Oleh yang demikian, kajian merumuskan bahawa percanggahan yang kelihatan wujud antara hadith Ibn Mas'ūd RA dan hadith Ḥudhayfah bin Usayd RA tidak ketara, kerana setiap

<sup>32</sup> Ibn Rajab al-Ḥanbali, Zayn al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab al-Salāmi al-Baghdadi al-Dimashqī, *Jāmi' al-Ulūm wa al-Ḥikam* ed. Muḥammad al-Aḥmadī (Riyadh: Dār al-Salām, 2004), 1: 163, Ibn al-Mulaqqin, Sirāj al-Dīn Abū Ḥafs 'Umar bin 'Ali al-Shāfi'ī, *al-Mu'īn 'ala Tafahhum al-Arbā'in* ed. Daḡhash bin Shabīb al-'Ajāmī (Kuwait: Maktabat Ahl al-Athar, 2012), 145, al-Mullā 'Ali bin Sulṭān Muḥammad al-Qārī, *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāṭ al-Maṣābiḥ* (Beirut: Dār al-Fikr, 2002), 1: 152.

satu membahaskan skop yang berbeza berdasarkan metode pemurnian yang dijelaskan oleh *muḥaddithīn*.

### Kesimpulan

Makalah ini bertujuan untuk membahaskan permasalahan peniupan roh dalam tempoh pranatal berdasarkan hadith Ibn Mas'ūd RA, secara kajian hadith *taḥlīlī*. Hadith dianalisis berasaskan perspektif *muḥaddithīn*. Kajian mendapati bahawa hadith ini telah diletakkan pelbagai tema oleh para penulis hadith, dan kesemuanya berkaitan dengan roh dan takdir. Sementara itu, para sarjana yang mengupas ini turut mengemukakan perbincangan tentang peniupan roh, sama ada berasaskan bidang akidah atau fiqh. Justeru, hadith telah menyumbang suatu fakta autentik tentang hakikat roh manusia, yang ditiupkan dalam tempoh 120 hari kehamilan, sekaligus menonjolkan mukjizat Hadith Nabawi mengatasi kemajuan teknologi perubatan moden.

### Rujukan

- Aḥmad Shawqī Ibrāhīm, *'Ālam al-Insān fī Ḍaw' al-Qurān wa al-Sunnah*. Kaherah, Dār Nahḍah, (t.t).
- Akib, Mohd Manawi Mohd, dan Sharifah Basirah Syed, "Perbincangan Potensi Jiwa Menurut Ibn Sina dan al-Ghazali," *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 21(1), (2019).
- Al-'Abbād, 'Abd al-Muḥsin bin Ḥamad, *Fath al-Qawiy al-Mubīn fī Sharḥ al-Arbā'in*. Dammam: Dār Ibn al-Qayyim, 2003.
- Al-'Asqalānī, Ibn Ḥajar Abū al-Faḍl Aḥmad bin 'Ali, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1960.
- Al-'Aynī, Abū Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad Badr al-Dīn al-Ḥanafi, *'Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.
- Al-Bayhaqī, Abu Bakr Ahmad bin Husayn bin 'Ali, *al-Sunan al-Kubra* ed. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, 2003.
- Al-Mubārakfūrī, Abū al-'Alā' Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān, *Tuḥfat al-Aḥwadhī bi Shārh Jāmi' al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Al-Mullā 'Ali bin Sulṭān Muḥammad al-Qārī, *Mirqāt al-Mafātīḥ Sharḥ Mishkāt al-Maṣābīḥ*. Beirut: Dār al-Fikr, 2002.
- Al-Munāwī, 'Abd al-Ra'ūf, *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, 1937.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf, *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1972.
- Al-Ṣārṣārī, Sulaymān bin 'Abd al-Qawiy al-Ṭūfī, *al-Ta'yīn fī Sharḥ al-Arbā'in* ed. Aḥmad Ḥaj Muḥammad 'Uthmān. Beirut: Muassasat al-Riyāḍ, 1998.
- Che Zarrina Sa'ari<sup>1</sup>, Mohd Manawi Mohd Akib. "Konsep Jiwa Menurut al-Razi: Tumpuan Terhadap Perihal Jiwa Setelah Berpisah Daripada Jasad," *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 5(1), (2018).

- Ema Yudianti, "Dinamika Jiwa Dalam Perspektif Psikologi Islam," *Jurnal Ilmu Agama*, 14, Julai, 2013.
- Ḥamzah Muḥammad Qāsim, *Manār al-Qārī Sharḥ Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ed. 'Abd al-Qādir al-Arnāūṭ. Ṭāif: Maktabat al-Muayyad, 1990.
- Hussein, Elbahloul Mohamed, Mohd Nasir Omar, Ahmad Sunawari Long, dan Mudasir Rosder. "Spirit In The Opinion of Muslim Philosophers: al-Ghazali as Model," *Jurnal Hadhari: An International Journal* 4 (2), (2012).
- Ibn al-Mulaqqin, Sirāj al-Dīn Abū Ḥafs 'Umar bin 'Ali al-Shāfi'i, *al-Mu'in 'ala Tafahhum al-Arbā'in* ed. Daghsh bin Shabīb al-'Ajamī. Kuwait: Maktabat Ahl al-Athar, 2012.
- Ibn Daqīq al-Eid, Muḥammad bin 'Ali bin Wahb, *Sharḥ al-Arbā'in al-Nawawiyah*. t.tp: Muassasat al-Rayyān, 2003.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'il bin Kathīr bin 'Umar al-Qurashī al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* ed. Sāmī bin Muḥammad Salāmah. Riyāḍ: Dār Ṭaybah li al-Nashr wa al-Tawzī', 1999.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad bin Abī Bakr, *al-Tibyān fī Aqsām al-Qurān* ed. Muḥammad Ḥāmid al-Faqī. Beirut, Dār al-Ma'rifah, t.t.
- Ibn Qudāmah, 'Abd Allāh bin Aḥmad al-Maqdisī, *al-Mughnī fī Fiqh al-Imām Aḥmad al-Shaybanī* ed. 'Abd Allāh 'Abd al-Muḥsin al-Turkī dan 'Abd al-Fattāḥ al-Ḥulw. Beirut: Dār Ālam al-Kutub, 1997.
- Ibn Rajab al-Ḥanbali, Zayn al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Aḥmad bin Rajab al-Salāmi al-Baghdadi al-Dimashqī, *Jāmi' al-Ulūm wa al-Ḥikam* ed. Muḥammad al-Aḥmadī. Riyadh: Dār al-Salām, 2004.
- Jasmi, K. A., *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press, 2013.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Azura Ahmad, Izzatul Amanda Jamarluddin, K. A. Jasmi, A. Ahmad, dan I. A. Jamarluddin, "Al-Quran dan biologi," *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*, (2013).
- Largo, R. H., R. Wälli, G. Duc, A. Fanconi, and A. Prader. "Evaluation Of Perinatal Growth. Presentation Of Combined Intra-And Extrauterine Growth Standards For Weight, Length And Head Circumference." *Helvetica paediatrica acta* 35, 5 (1980).
- Makiah Tussaripah Jamil, Abdul Mukti Baharudin dan Hisam Satari, "Pengguguran Bayi Menurut Perspektif Islam Dan Perundangan Di Malaysia," *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(1), (2012).
- Moore, Keith L., Trivedi Vidhya Nandan Persaud, dan Mark G. Torchia. *Before we are born: essentials of embryology and birth defects*. Elsevier Health Sciences, 2015.
- Muḥammad bin Ṣāliḥ al-'Uthaymīn, *Sharḥ al-Arbā'in al-Nawawiyah*. Riyadh: Dār al-Thurayyā, t.t.
- Muḥammad bin Ṣāliḥ al-'Uthaymīn, *Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* (Riyāḍ: Madār al-Waṭan li al-Nashr, 1994)
- Rahim, Rohaida Abdul, dan Asmadi Yakub. "Al-Ruh Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah." *Jurnal Usuluddin* 26, (2007).

Samian, Abdul Latif, "Satu Ulasan Tentang Definisi Manusia," *Jurnal Pengajian Umum* 6 (2005).

Stuart, dan G. B. Newman, "Growth of the fetal biparietal diameter during normal pregnancy." *BJOG: An International Journal of Obstetrics & Gynaecology* 78, no. 6 (1971).

Wahid, Abd, "Metode Penelitian dan Pemahaman Hadis Musykil." *SUBSTANTIA* 15, no. 2 (2013):